

Penternak Belanda Kongsi Ilmu

Dutch Lady Milk Industries Berhad (Dutch Lady Malaysia) baru-baru ini telah menganjurkan program Farmer2Farmer (F2F) dengan membawa masuk tiga penternak dari Belanda iaitu Jan Ten Kate, Sjoerd Miedema dan Guido Tuten ke Malaysia untuk berkongsi ilmu dengan penternak tempatan.

Program tahunan yang telah memasuki tahun keempat ini mendapat kerjasama dari Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA). Lebih 100 penternak melibatkan ahli-ahli Koperasi Tenusu Negeri Perak dipilih bagi mengikuti program selama dua minggu itu.

“Ketiga-tiga penternak ini akan berada

di ladang terpilih selama dua minggu untuk berkongsi amalan baik penjagaan ternakan lembu tenusu. Mereka turut berkongsi tip dan cara meningkatkan kemahiran penternakan dengan penternak tempatan,” ujar Pengurus Kanan Hal Ehwal Korporat dan Komunikasi Dutch Lady Malaysia, Shamsidar Yahya Nassim.

Majlis perasmian ini telah disempurnakan oleh Timbalan Pengarah Bahagian Kesihatan, JPV Perak Dr Maswati Mat Amin. Hadir sama ialah Penyelaras Tenusu JPV Perak Faqru Azmi Mohd Mokhtar, Pengurus DDP Dutch Lady Malaysia Woon Siong Ker dan Pengerusi Koperasi Tenusu Negeri Perak K Ramachandran.



Keluarga Thangayan bersama Guido Tuten.